



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

Teks Sidang Media

GARIS PANDUAN YANG PERLU DIPATUHI BAGI SEKTOR PEMBINAAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN(PKP)

YB Dato' Sri Fadillah bin Haji Yusof
Menteri Kanan Kerja Raya

22 April 2020

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Hari Ke-36 dan Hari ke-8 Perintah Kawalan Pergerakan 3 dilaksanakan.

- Sektor Pembinaan merupakan antara sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi secara berperingkat bermula 13 April, 2020 bergantung kepada kelulusan.

Kepentingan Sektor Pembinaan untuk Merangsang Ekonomi

- Sektor Pembinaan merupakan antara sektor ekonomi yang kritikal kepada pembangunan ekonomi negara. Setiap tahun, secara puratanya kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan bernilai RM140 billion.
- Selain itu, industri pembinaan juga mempunyai *multiplier effect* yang boleh memberi kesan gandaan kepada perkembangan sektor ekonomi yang lain, contohnya sektor pembuatan, sektor pengangkutan dan sektor kewangan.

1

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | [Kementerian Kerja Raya](#) | @MOWorks | Pro@kk.gov.my

- Oleh itu, penangguhan aktiviti-aktiviti pembinaan telah membawa kesan yang besar bukan sahaja kepada industri itu sendiri, malah industri lain yang berkaitan dengannya.

Oleh yang demikian, langkah membenarkan sebahagian daripada kerja-kerja pembinaan mula beroperasi adalah penting bagi meningkatkan aktiviti ekonomi negara.

- Namun begitu, Kementerian Kerja Raya (KKR) memandang serius keperluan mengimbangi soal hidup dan kehidupan (*life and livelihood*), yakni soal hidup dan kesihatan, serta soal menyara kehidupan. Biarpun sesetengah syarikat akan dibenarkan beroperasi, namun SOP dan Garis Panduan perlu dipatuhi bagi melindungi pekerja industri pembinaan dan juga masyarakat umum daripada risiko penularan wabak COVID 19 ini.

Pembukaan Kerja-kerja Pembinaan Secara Berperingkat semasa PKP

- Bagi memastikan risiko penularan COVID-19 dapat di kawal, kerja-kerja pembinaan dibenarkan beroperasi secara berperingkat semasa PKP.
- Secara amnya, projek-projek yang dibenarkan beroperasi adalah dari 13 kategori projek yang:
 - ⇒ tidak memerlukan ramai pekerja di tapak, seperti projek pembinaan bangunan yang mempunyai skor IBS 70 dan ke atas, kerja-kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja pembinaan yang telah mencapai kemajuan fizikal sebanyak 90 peratus dan ke atas
 - ⇒ Kerja kritikal untuk memastikan keselamatan struktur pembinaan seperti; kerja-kerja cerun, terowong, jambatan dan *viaduct*, serta penyiasatan tanah
 - ⇒ Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air dari tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk dan haiwan perosak.

- ⇒ Semua khidmat profesional kerana ia diperlukan untuk pengurusan dan penyeliaan projek, termasuk meluluskan pembayaran bagi kemajuan kerja pembinaan
- ⇒ Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor G1 & G2, bagi meningkatkan kelangsungan ekonomi untuk syarikat-syarikat kecil. Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor G1 dan G2 juga adalah kecil dan tidak melibatkan ramai pekerja.

Kawalan Risiko Penularan COVID 19 melalui SOP dan Garis Panduan

- Bagi mengawal risiko penularan wabak COVID-19 di tapak bina dan tempat tinggal pekerja binaan atau CLQ, ke semua projek pembinaan yang dibenarkan beroperasi perlu mematuhi:
 - ⇒ Prosedur Operasi Standard (SOP) Kebenaran Beroperasi serta Pergerakan Pekerja bagi Projek Pembinaan dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
 - ⇒ Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan COVID-19 di Tapak Bina
 - ⇒ Garis Panduan Operasi Centralised Labour Quarters (CLQ) dan Penginapan Pekerja Binaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
 - ⇒ Dokumen ini boleh dicapai melalui laman web: application.miti.gov.my/daftar dan www.cidb.gov.my
- Kesemua syarikat di dalam jaringan pembekalan industri pembinaan yang dibenarkan beroperasi perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard Am dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi serta Pegerakan Pekerja bagi Syarikat-syarikat dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**. Selain itu, syarikat-syarikat di dalam sektor pembinaan perlu mematuhi SOP serta Garis Panduan yang disediakan CIDB, termasuk:

- ⇒ Waktu kerja di tapak bina: 8.00 pagi hingga 5.30 petang sahaja, 5 hari seminggu.
- ⇒ Kontraktor/ Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk tapak bina/ premis.
- ⇒ Menyediakan pengangkutan pekerja
- ⇒ Memastikan amalan *social distancing*
- ⇒ Mengurangkan bilangan pekerja ke tahap minima, atau tidak lebih dari 50 peratus daripada keperluan biasa.
- ⇒ Menggalakkan pekerja menyiapkan tugas "*deskjob*" di rumah, sebagai contoh tugas perkeranian, merekabentuk dan tugas lain yg berkaitan. Jika pekerja perlu ke tapak bina, semua SOP dan garis panduan perlu dipatuhi.
- ⇒ Mengenal pasti seorang pegawai yang bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan SOP, seperti *Safety and Health Officer (SHO)*, *Site Safety Supervisor (SSS)* atau pemilik syarikat sendiri.
- ⇒ Setiap pekerja perlu memuat turun aplikasi MySejahtera oleh KKM, bagi tujuan *contact tracing*.

Status Permohonan Kebenaran Beroperasi bagi Projek Pembinaan semasa PKP

- Permohonan dibuka melalui laman web application.miti.gov.my, sejak Isnin 13 April 2020
- Semua permohonan bagi Sektor pembinaan akan disemak dan syorkan oleh CIDB. Pihak MITI akan mengeluarkan surat kebenaran operasi untuk syarikat.
- Proses permohonan akan mengambil masa sekurang-kurangnya 5 hari

- Semasa permohonan, syarikat perlu mengemukakan nama syarikat, nama/senarai projek dan senarai pekerja serta ikrar Aku Janji untuk mematuhi semua peraturan serta SOP yg ditetapkan oleh KKM, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
- Bagi permohonan yang gagal, mereka boleh membuat rayuan di dalam sistem yang sama
- Proses rayuan juga akan mengambil masa 5 hari.
- Sehingga 5 petang 21 April, 2020, sebanyak 19,077 permohonan diterima.
 - ⇒ 1856 telah diluluskan
 - ⇒ 7387 gagal
- Sebab-sebab permohonan gagal:
 - ⇒ Maklumat projek tidak lengkap
 - ⇒ Maklumat pekerja tidak lengkap
 - ⇒ Kerja-kerja yang dipohon tidak termasuk di dalam 13 kategori yang disenaraikan.
 - ⇒ Projek tidak tergolong di dalam kluster pembinaan
 - ⇒ Projek-projek tersebut belum diisytiharkan di dalam Sistem Online CIDB (cims.cidb.gov.my).
 - ⇒ Kontraktor yang memohon tidak berdaftar dengan CIDB, atau telah luput pendaftaran
 - ⇒ Kontraktor di dalam tindakan tatatertib CIDB
- Rayuan boleh dibuat setelah pemohon melengkapkan maklumat yang diperlukan, contohnya mendaftar kontraktor dan mengisytihar projek di dalam Sistem Online CIDB.

Pemantauan dan Penguatkuasaan:

- Operasi Pemantauan dan Penguatkuasaan akan dilaksanakan bagi memastikan:

- ⇒ Semua syarikat yang dibenarkan beroperasi, mematuhi SOP dan garis panduan yang ditetapkan
- ⇒ Tiada syarikat yang beroperasi tanpa kelulusan
- Operasi penguatkuasaan akan dilaksanakan secara kerjasama oleh CIDB, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Jika terdapat syarikat yang ingkar dalam mengikut SOP serta Garis Panduan yang disediakan, tindakan yang boleh diambil ialah:
 - ⇒ Kerja-kerja pembinaan dihentikan serta-merta
 - ⇒ Tindakan undang-undang di bawah Akta 342
 - ⇒ Tindakan tatatertib oleh CIDB berdasarkan Akta 520
- KKR menyarankan supaya orang ramai menjadi mata-mata kepada pihak berkuasa dan melaporkan aktiviti pembinaan yang mencurigakan, dengan membuat panggilan kepada talian Hotline 03-55672777.

TAMAT